

TARIKH: 20/8/23
SURAT KHABAR: Kosmo (Amad)
MUKA SURAT: 4.

Syarikat ekonomi gig perlu wajibkan caruman Perkeso



POLIS Diraja Malaysia (PDRM) turut mengiringi jenazah penghantar makanan, Muhamad Hafiz untuk dikebumikan di Sungai Petani, Kedah.

Kosmo (Amad)
20/8/23 ms 4

KUALA LUMPUR – Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa syarikat ekonomi gig mewajibkan pekerja mereka mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, kejadian melibatkan seorang penghantar makanan Khamis lalu amat mengejutkan seluruh Malaysia dan pihaknya mendoakan ahli keluarga dan sahabat mangsa tabah menghadapi dugaan ini.

“Sudah tiba masanya semua pekerja sektor gig ekonomi seperti penghantar makanan diwajibkan

mencarum dengan Perkeso.

“Dalam kita bersedih dengan kejadian menimpa saudara Islam kita, saya bersimpati dan sedih mengenang nasib keluarga mereka yang ditinggalkan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, walaupun semua pemandu dan penunggang p-hailing sebelum ini diwajibkan mencarum SKSPS, pihaknya dimaklumkan mangsa yang terlibat dalam tragedi nahas pesawat ringan di Persiaran Elmina, Shah Alam tidak membuat caruman.

“Semua pihak harus lebih proaktif dalam memastikan semua rakyat Malaysia yang bekerja di dalam sektor apa sekalipun

mencarum dengan Perkeso untuk perlindungan mereka,” ujarnya.

Menurutnya, Perkeso perlu lebih tegas dengan majikan atau penyedia perkhidmatan sektor ekonomi gig atau lejang untuk memastikan semua pekerja mereka sentiasa dilindungi.

“Jika mereka hanya pekerja separuh masa, pastikan sedikit wang hasil pendapatan dicarumkan walaupun RM2 bagi memastikan nasib mereka terbela jika berlaku apa-apa musibah,” tambahnya.

Dalam nahas pesawat pada Khamis lalu, dua orang awam yang merupakan pekerja sektor ekonomi gig turut terkorban.